

12 OCT 2001

LHDN-Belanjawan

BERITA BAIK NANTI PEMBAYAR CUKAI DALAM BELANJAWAN 2002

IPOH, 12 Okt (Bernama) -- Pembayar cukai di negara ini dijangka menerima berita baik apabila Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membentangkan Belanjawan 2002 di Parlimen minggu depan.

Ketua Eksekutif Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Datuk Zainol Abidin Abdul Rashid berkata lembaga itu telah mengemukakan cadangan kepada kerajaan tetapi terpulanglah kepada kerajaan sama ada menerimanya atau tidak.

"Kita perlulah tunggu dan lihat pengumuman Perdana Menteri nanti. Saya rasa Belanjawan 2002 akan membawa banyak berita baik kepada kita," katanya pada sidang akhbar selepas melawat cawangan LHDN Ipoh di sini hari ini.

Dr Mahathir, yang juga Menteri Kewangan, akan membentangkan Belanjawan 2002 pada 19 Okt ini.

Zainol Abidin berkata beliau percaya belanjawan kali ini akan memuaskan hati pembayar cukai kerana wang yang dikutip akan digunakan untuk meningkatkan kemudahan infrastruktur dan mempercepatkan pembangunan di negara ini.

Katanya, satu lagi aspek yang dijangka diberi penekanan ialah memperbaiki kaedah kutipan cukai melalui prosedur baru dan penguatkuasaan yang lebih berkesan.

Beliau juga berkata lembaga itu akan meningkatkan penguatkuasaan ke atas kalangan penanam sayur dan bunga serta pembuat tembikar yang membuat pengistiharan palsu dan membuat LHDN rugi berjuta-juta ringgit dari segi kutipan cukai.

Katanya, cawangan LHDN Ipoh mengesan satu kes penanam bunga di Cameron Highlands yang mendapat keuntungan berjumlah RM5.8 juta dalam tempoh lima tahun tetapi hanya membayar sedikit cukai selepas membuat pengistiharan palsu.

Katanya, penanam bunga itu gagal membayar cukai berjumlah RM2.8 juta.

Dalam satu lagi kes, seorang pembuat tembikar yang memperolehi pendapatan sehingga RM3 juta setahun terpaksa membayar RM2.5 juta cukai kebelakangan kepada LHDN.

Katanya, cawangan LHDN Ipoh telah mengesan 67 kes seumpama itu dengan nilai cukai kebelakangan yang dikutip sebanyak RM19.2 juta.

Beliau juga berkata, cawangan itu telah menyelesaikan beberapa kes besar, antaranya melibatkan cukai sejumlah RM5.09 juta membabitkan pembayar cukai dari industri sekuriti dan sepasang suami isteri yang merupakan ahli perniagaan melibatkan cukai berjumlah RM2.25 juta.

Ia juga telah mengambil tindakan kebangkrapan dalam 44 kes termasuk seorang VIP yang menjelaskan tuntutan cukai kepada LHDN berjumlah RM1.63 juta untuk melepaskan kaveat yang dikenakan.

-- BERNAMA

AR NMO